

Lampiran Penerangan Produk - Insurans Liabiliti Pencemaran Kontraktor Chubb II

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Insurans Liabiliti Pencemaran Kontraktor Chubb II. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.



1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan perlindungan terhadap liabiliti persekitaran pihak ketiga yang timbul daripada keadaan pencemaran yang mungkin berlaku akibat daripada kerja anda yang dilakukan dalam operasi yang dilindungi, termasuk kerja yang dilakukan oleh sub-kontraktor.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Liabiliti untuk kecederaan badan pihak ketiga, kerosakan harta benda atau kerosakan persekitaran akibat daripada keadaan pencemaran yang disebabkan oleh kerja yang dilakukan oleh anda atau sub-kontraktor anda di operasi yang dilindungi;
- Kos pemulihan yang anda tanggung seperti tindak balas kecemasan untuk mengurangkan dan/atau bertindak balas terhadap ancaman akibat keadaan pencemaran yang disebabkan oleh kerja yang dilakukan oleh anda atau sub-kontraktor anda di operasi yang dilindungi;
- Kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung untuk semua tuntutan/liabiliti dalam lingkungan perlindungan dan had polisi.

Polisi ini juga menawarkan perlindungan liabiliti profesional sebagai lanjutan kepada polisi ini.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza pendedahan risiko dan keperluan pengunderaitan kami.

4. Apa yang perlu saya bayar selain daripada Premium?

- Duti setem - RM10
- Cukai Perkhidmatan (CP)(jika berkenaan) - Kadar CP berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan
- Komisen yang dibayar (termasuk dalam premium) kepada Perantara Insurans (jika ada) - maksimum sehingga 25% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan

Sekiranya Polisi ini ialah Polisi Insurans Pengguna, sebelum Polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mesti mengambil langkah-langkah sewajarnya:

- (a) supaya tidak membuat salah nyata kepada Kami dalam menjawab apa-apa soalan yang Kami ajukan;
- (b) mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami minta dalam (a) di atas, yang Anda ketahui adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan dikenakan.

Tanggungjawab anda kepada kami untuk Polisi Insurans bukan Pengguna
Sekiranya Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, sebelum kontrak Polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

- (a) Anda tahu adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak serta kadar dan syarat yang akan dikenakan; atau
- (b) seseorang yang wajar dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

Polisi Insurans bukan Pengguna ialah polisi selain daripada Polisi Insurans Pengguna.

Tanggungjawab pendedahan anda adalah berterusan sehingga kontrak dibuat, diubah dan diperbaharui.

- Had liabiliti yang wajar telah diambil.
- Terdapat jumlah yang boleh ditolak (deduktibel) / lebihan yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan. Hal ini diperuntukkan dalam Akuan pada kontrak polisi.
- Sekiranya terdapat kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada Penanggung Insurans mengenai tuntutan tersebut secepat mungkin setelah anda mengetahuinya.

Perkara di atas adalah ringkasan sebahagian terma dan syarat utama polisi dan adalah tidak lengkap. Sila baca kontrak polisi untuk keseluruhan terma dan syarat insurans ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, timbul daripada atau dalam apa jua cara berkaitan dengan:

- Asbestos
- Liabiliti Kontrak
- Liabiliti Pekerja
- Perbelanjaan dalaman bagi perkhidmatan yang dilakukan oleh kakitangan bergaji dan mana-mana pekerja
- Pencemaran yang disebabkan oleh penggunaan, penyelenggaraan operasi kereta, pesawat udara atau kenderaan lain.
- Perang atau keganasan

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, apa-apa pengembalian premium adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran pada butiran hubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang apa-apa pertukaran dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masa.

9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Liabiliti Pencemaran Kontraktor Chubb II, anda boleh menghubungi perantara insurans anda, atau menghubungi kami di cawangan kami di seluruh negara atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
No. Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
T +6 03 2058 3000
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

10. Perlindungan insurans serupa lain yang tersedia

Tiada

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INSURANS INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ATAU MENGHUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Sila maklum bahawa:

- anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberikan semua maklumat yang relevan kepada kami atau perantara kami agar kami dapat menyediakan produk kewangan yang paling sesuai kepada anda. Sekiranya anda menyembunyikan sebarang maklumat yang kami atau perantara kami minta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai kepada anda untuk memenuhi keperluan anda;
- anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan kami atau perantara kami jika terdapat syarat yang tidak difahami, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 01/06/2024.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).